



LEMBAGA
TOTALISATOR
MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN 2022

Lembaga Totalisator Malaysia

ISI KANDUNGAN

AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH	2
MAKLUMAT KORPORAT	3
LAPORAN LEMBAGA	4
SIJIL KETUA AUDIT NEGARA	10
PENYATA Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah	14
PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN LEMBAGA TOTALISATOR MALAYSIA	15
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN	16
PENYATA PRESTASI KEWANGAN	17
PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH/EKUITI	18
PENYATA ALIRAN TUNAI	19
PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR	20
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN	24

AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH

PENGERUSI

YBHG. TAN SRI DATUK RICHARD CHAM HAK LIM

(Dilantik pada 1/8/2019 - 31/7/2022)

(Dilantik semula pada 1/8/2022 - 31/7/2024)

AHLI-AHLI

EN. CLEMENT CHEW KUAN HOCK

(Dilantik pada 1/8/2019 - 31/7/2022)

(Dilantik semula pada 1/8/2022 - 31/7/2024)

EN. NORMAN TAN JIN LEONG

(Dilantik pada 1/8/2019 - 31/7/2022)

(Meninggal Dunia pada 20 Mei 2022)

EN. VELLUPILLAI WILLIAMS BALASINGAM

(Dilantik pada 1/8/2019 - 31/7/2022)

(Dilantik semula pada 1/8/2022 - 31/7/2024)

CIK TEOH MEI SHEAN

(Dilantik pada 1/8/2019 - 31/7/2022)

(Dilantik semula pada 1/8/2022 - 31/7/2024)

EN. JEFFREY LEE CHIN WAH

(Dilantik pada 1/8/2019 - 31/7/2022)

(Dilantik semula pada 1/8/2022 - 31/7/2024)

EN. CHIN TONG LEONG

(Dilantik pada 1/8/2022 — 31/7/2024)

YBHG. TAN SRI DATO' SRI DR. ABDUL AZIZ BIN ABDUL RAHMAN

(Dilantik pada 1/8/2022 - 31/7/2024)

EN. THEAN MING FATT

(Dilantik pada 1/8/2022 - 31/7/2024)

AHLI-AHLI BERSARA**YBHG. DATO' DR. QUAZA NIZAMUDDIN BIN HASSAN NIZAM**

(Dilantik pada 1/8/2018 - 31/7/2019)

(Dilantik semula pada 1/8/2019 - 31/7/2022)

Bersara pada 31/7/2022

EN. KUMARESAN A/L KARUPPIAH

(Dilantik pada 1/12/2019 - 31/7/2022)

Bersara pada 31/7/2022

YDH SAC DATO MOHAMAD NOOR BIN YUSOF ALI

(Dilantik pada 1/8/2022 - 31/7/2024)

Melepaskan Jawatan pada 9/6/2023

MAKLUMAT KORPORAT**IBU PEJABAT****Lembaga Totalisator Malaysia**

L17-03 & L17-03A, Level 17

PJX H.M. Shah Tower, No. 16A, Persiaran Barat

46050 Petaling Jaya

Telefon: 03 – 7931 5386

JURUAUDIT

Ketua Audit Negara

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

PN. NOR HASHIMAH BINTI HASHIM

LAPORAN LEMBAGA

Saya bagi pihak Lembaga, membentangkan Laporan dan Akaun Tahunan Lembaga bagi tahun berakhir 31hb Disember 2022.

Kegiatan-Kegiatan

Lembaga Totalisator Malaysia (LTM) yang telah ditubuhkan di bawah Akta Perlumbaan (Lembaga Totalisator) 1961 telah melibatkan diri dalam mengawas, mengawal dan melaksanakan operasi totalisator berdasarkan perlumbaan kuda di Malaysia dan Singapura selaras dengan skim dan peraturan yang diluluskan.

Di samping mempertingkatkan kemudahan totalisator di semua Kelab Lumba Kuda, LTM juga ditugaskan supaya prosedur pertaruhan dan pengutipan cukai ke atas operasi totalisator dilaksanakan mengikut jadual.

Pada 14hb Mac 1991, Kementerian Kewangan telah memutuskan supaya LTM tidak lagi terlibat secara langsung dengan aktiviti pertaruhan berdasarkan lumba kuda tetapi sebaliknya berfungsi sebagai Agensi Pengawal (Regulating Agency) sahaja.

Aktiviti lumba kuda dan pertaruhan lumba kuda diserahkan sepenuhnya kepada Kelab- Kelab Lumba Kuda dan agennya Usaha Tegas Sdn Bhd/Pan Malaysian Pools Sdn Bhd, selaras dengan Perenggan 7 skim sekarang yang telah diluluskan di bawah Seksyen 16 Akta Perlumbaan (Lembaga Totalisator) 1961. Keputusan di atas telah berkuatkuasa pada 31hb Ogos 1991.

Sebagai Agensi Pengawal, tugas-tugas LTM ialah: -

- mengawasi dan mengawal agen yang dilantik untuk menjalankan aktiviti pertaruhan lumba kuda melakukannya menurut skim dan peraturan yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan;
- memastikan sebarang perubahan kepada skim atau peraturan bagi pertaruhan lumba kuda yang hendak dilaksanakan mendapat kelulusan bertulis dari Kementerian Kewangan sebelum perubahan itu dilaksanakan;
- memastikan tindakan ejen yang dilantik bertindak selaras dengan dasar Kerajaan berkaitan dengan perjudian;
- memastikan agen mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam Perjanjian Penswastaan berkenaan;
- memastikan agen membayar cukai-cukai yang berkaitan;
- memastikan agen memperuntukkan sebahagian daripada pendapatannya sebagai sumbangan kepada badan-badan sukan dan kebajikan;
- lain-lain tugas yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan dari masa ke semasa.

Pada 9 Ogos 2011, Jana Pendidikan Malaysia Sdn Bhd (JPM) telah membeli keseluruhan saham Pan Malaysian Pools Sdn Bhd daripada Tanjong Plc/Usaha Tegas Sdn Bhd. Pada 5 Oktober 2012, Pan Malaysian Pools Sdn Bhd telah menghantar Notis Perlepasan (Notice of Renunciation) sebagai agen

Lembaga Totalisator Malaysia bagi Operasi Perlumbaan Totalisator (Racing Totalisator Operation). Efektif 4 April 2013 Pan Malaysian Pools Sdn Bhd tidak lagi terlibat di dalam operasi totalisator perlumbaan kuda/Racing Totalisator Operations (RTO) dan tidak lagi bertanggungjawab terhadap obligasi sepertimana yang termaktub di dalam *Totalisator Operation Agreement*. Walaubagaimanapun, operasi totalisator bagi nombor ramalan/Number Forecast Operations (NFO) masih lagi dikekalkan oleh Pan Malaysian Pools Sdn Bhd. Justeru, Kelab-Kelab Lumba Kuda telah dilantik sebagai ejen bagi menggantikan Pan Malaysian Pools Sdn Bhd untuk mengambilalih Operasi Pertaruhan Totalisator (RTO).

Melalui penyelesaian global pada 4 Disember 2015, Pan Malaysian Pools Sdn Bhd telah bersetuju sebagai tambahan membayar kepada Lembaga Totalisator Malaysia: -

- (a) RM10 juta setiap tahun sebagai pemegang lesen *Number Forecast Operations* (NFO); dan
- (b) RM6 juta setiap tahun bagi lesen untuk operasi *telephone betting* NFO.

Royalti daripada Nombor Telahan/*Numbers Forecast* (NFO) telah menunjukkan kenaikan sebanyak RM8,820,278 dari RM4,700,000 pada tahun 2021 kepada RM13,520,278 bagi tahun 2022. Kenaikan ini adalah disebabkan oleh keadaan ekonomi semakin pulih dari kesan Covid-19.

Bagi tahun 2022, Lembaga Totalisator Malaysia telah menerima RM16 juta sebagai pemegang lesen NFO dan yuran eksklusif untuk operasi *telephone betting* daripada Pan Malaysian Pools Sdn Bhd.

Dengan wang 5% Royalti beserta yuran lesen dan *telephone betting* NFO yang diterima oleh Lembaga Totalisator Malaysia daripada Pan Malaysian Pools Sdn Bhd telah digunakan untuk kesinambungan *Racing Totalisator Operations* (RTO) serta memajukan industri perlumbaan kuda.

Bagi Kelebihan Bersih Atas Totalisator Lumba Kuda (RTO) di mana pendapatan LTM diambilkira berdasarkan 5% dari hasil pertaruhan bersih totalisator di Kelab-Kelab Lumba Kuda Selangor, Perak dan Pulau Pinang, LTM tidak menerima pendapatan tersebut kerana tiada keuntungan dari Operasi Pertaruhan Totalisator sama seperti tahun-tahun sebelum ini.

Pendapatan keseluruhan LTM dalam tahun 2022 berjumlah RM31,815,391. LTM telah meluluskan geran sebanyak RM1,451,840 dalam tahun tersebut di bawah Seksyen 20, Akta Perlumbaan (Lembaga Totalisator) 1961 yang berbunyi “***Subject to any regulations made under section 29, the Board may from time to time distribute any moneys forming part of the funds of the Board and not required by it in the exercise of its powers under section 4 for all or any of the following purposes: (a) social and welfare purposes including the welfare of the blind, handicapped and under privileged, the relief of poverty, the treatment o/tuberculosis and the fostering of non-political youth movements; and (b) the promotion of sport generally in Malaysia including the provision of playing fields.***”

Geran-geran berkenaan adalah dengan objektif untuk mempromosikan sukan dan pembangunan ekuin khususnya serta membantu badan-badan sukarela termasuk orang kurang upaya dan lain-lain program. Tindakan ini diambil selaras dengan dasar Kerajaan untuk membantu pertumbuhan ekonomi dan perkembangan sukan Negara.

Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

Bagi Tahun 2022 pelaksanaan dan penerimaan *Key Performance Index* (KPI) Lembaga Totalisator Malaysia hanya terdiri daripada 2 indeks utama sahaja di bawah Seksyen 4 dan 20 Akta Perlumbaan (Lembaga Totalisator) 1961. Pencapaiannya adalah seperti berikut: -

Key Performance Index	Peruntukan RM	Sebenar RM	Perbezaan RM	Kenyataan
Penambahbaikan Industri Perlumbaan dan Aktiviti di Kelab-Kelab Lumba Kuda -Seksyen 4	16,500,000	16,179,242	320,758	Perbelanjaan aktiviti perlumbaan kuda
Pembangunan dan Promosi Sukan Berkuda -Seksyen 20(b)	2,400,000	1,446,840	953,160	Pembangunan ekuin
Tanggungjawab Korporat dan Sosial - Seksyen 20(a)	100,000	5,000	95,000	
	19,000,000	17,631,082	1,368,918	

Geran

LTM telah memberi geran berikut pada tahun 2022: -

Pembangunan, Promosi Sukan Berkuda dan Corporate Social Responsibilities (CSR)

Penerima	Butiran	Jumlah RM
Majlis Ekuin Malaysia	Geran untuk menjalankan aktiviti ekuin bagi tahun 2022	1,000,000
Persatuan Ekuestrian Malaysia	Sumbangan untuk pembangunan program ekuestrian bagi tahun 2022	250,000
Riding for Disabled Association Malaysia	Sumbangan bagi bantuan kewangan untuk 13 cawangan Disabled Associations	65,000
Persatuan Pemanah Berkuda As-Sibaq Malaysia	Sumbangan untuk pembangunan memanah berkuda bagi tahun 2022-2023	60,000
STC Annual Horse Show	Kelab Lumba Kuda Selangor menganjurkan Pertunjukan Kuda Tahunan 29 Julai - 8 Oktober 2022	60,000
Malaysian Armed Forces Equestroan Centre	Sumbangan yuran stable bagi Pertandingan <i>Merdeka Cup International Showjumping</i> di Denai Alam, 20-21 Ogos 2022	1,840
UKM Equine Therapy	Sumbangan kepada Program Pelajar MBA untuk <i>Equine Assisted Therapy</i>	10,000
Sekolah Pendidikan Khas	Sumbangan untuk menyediakan Bilik Multisensory Therapy bagi pelajar istimewa	5,000
Jumlah		1,451,840

HAL-HAL UTAMA

Berikut adalah beberapa pencapaian: -

Pusingganti	2022 RM	2021 RM	%
Menang/Tempat	203,987,581	114,677,760	77.88
Forecast	34,936,776	18,673,100	87.10
Trifecta	52,993,032	21,257,248	149.29
Forecast - 4	2,019,442	1,133,632	78.14
Forecast - Multiple	15,871,010	7,080,492	124.15
Jumlah	309,807,841	162,822,232	90.27

Cukai Perjudian dan Totalisator	2022 RM	2021 RM	%
Cukai Perjudian	24,784,627	13,025,779	90.27
Cukai Totalisator	11,400,929	5,991,858	90.27
Jumlah	36,185,556	19,017,637	90.27

Pusingganti telah meningkat dari RM162,822,232 pada tahun 2021 kepada RM309,807,841 pada tahun 2022, iaitu penurunan sebanyak 90.27%.

Hasil Kerajaan dari Cukai Perjudian dan Totalisator meningkat sebanyak RM17,167,919 dari RM19,017,637 kepada RM36,185,556.

Perbelanjaan

Berikut adalah kategori perbelanjaan bagi tahun 2022 berbanding dengan tahun 2021:

	2022 RM	2021 RM
Emolumen	608,121	783,241
Perbelanjaan	17,123,681	16,824,919
Susutnilai	1,265	65,104
Jumlah	17,733,067	17,673,264
Sumbangan Derma	1,451,840	1,400,000
Jumlah Perbelanjaan	19,184,907	19,073,264

Lebih Pendapatan dan Cukai

Berikut adalah senarai bagi lebih pendapatan dan cukai termasuk lebih bersih selepas ditolak cukai bagi tahun 2022 berbanding dengan tahun 2021:

	2022 RM	2021 RM
Lebih/(Kurangan) sebelum cukai	12,630,484	(5,640,725)
Cukai	(3,231,528)	(1,074,876)
Lebih/(Kurangan) selepas cukai	9,398,956	4,565,849

MESYUARAT-MESYUARAT LEMBAGA

Sebanyak tiga (3) Mesyuarat Jemaah Lembaga telah diadakan dalam tahun 2022.

Mesyuarat	Tarikh
LTM 1/2022	11 Mei 2022
LTM 2/2022	26 Julai 2022
LTM 3/2022	18 Oktober 2022

PENGHARGAAN

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Kewangan Malaysia, Kelab-Kelab Lumba Kuda, Polis Di Raja Malaysia dan Jabatan-Jabatan Kerajaan yang lain di atas sumbangan, sokongan dan bantuan mereka.

Saya juga ingin memberi penghargaan kepada Ahli-Ahli Lembaga Pengarah dan Anggota Pekerja Lembaga Totalisator Malaysia di atas sokongan mereka.



Tan Sri Datuk Richard Cham Hak Lim
Pengerusi

27 Julai 2023

**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA TOTALISATOR MALAYSIA (LTM)
BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2022**



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA TOTALISATOR MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 [Akta 62] untuk mengaudit Penyata Kewangan Lembaga Totalisator Malaysia. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022 Lembaga Totalisator Malaysia dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 26.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Totalisator Malaysia pada 31 Disember 2022 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Perlumbaan (Lembaga Totalisator) 1961 [Akta 494].

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Lembaga Totalisator Malaysia dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah, Lembaga Totalisator Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Lembaga Totalisator Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Totalisator Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Perlumbaan (Lembaga Totalisator) 1961 [Akta 494]. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Totalisator Malaysia yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Totalisator Malaysia, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga Totalisator Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Lembaga Totalisator Malaysia secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Lembaga Totalisator Malaysia, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Lembaga Totalisator Malaysia;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Totalisator Malaysia sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Lembaga Totalisator Malaysia atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Lembaga Totalisator Malaysia tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan; dan
- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Lembaga Totalisator Malaysia, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Lembaga Pengarah telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Hal-hal Lain

- a. Seperti yang dinyatakan pada Nota 2 kepada penyata kewangan, Lembaga Totalisator Malaysia telah menerima pakai Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) mulai 1 Januari 2022, dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2021. Piawaian ini diterima pakai secara retrospektif oleh Lembaga Pengarah terhadap angka perbandingan dalam penyata kewangan ini, termasuk Penyata Kedudukan Kewangan Lembaga Totalisator Malaysia pada 31 Disember 2021 dan 1 Januari 2021 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenarnya Lembaga Totalisator Malaysia bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2021 dan pendedahan berkaitan. Saya tidak terlibat untuk melaporkan maklumat perbandingan yang dinyatakan semula dan yang tidak diaudit. Tanggungjawab saya sebagai sebahagian daripada pengauditan Penyata Kewangan Lembaga Totalisator Malaysia bagi tahun berakhir 31 Disember 2022, dalam keadaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian yang baki awal pada 1 Januari 2022 tidak mengandungi salah nyata yang boleh memberi kesan ketara terhadap kedudukan kewangan pada 31 Disember 2022 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah, Lembaga Totalisator Malaysia berdasarkan keperluan Akta Perlindungan (Lembaga Totalisator) 1961 [Akta 494] dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.


(DATUK WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA

17 JULAI 2023



LEMBAGA TOTALISATOR MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Perlumbaan
[Lembaga Totalisator], 1961)

PENYATA Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah

Kami, Tan Sri Datuk Richard Cham Hak Lim dan Velluppillai Williams A/L W.E Balasingam yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah LEMBAGA TOTALISATOR MALAYSIA, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2022, Penyata Prestasi Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022, Penyata Perubahan Ekuiti Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022, Penyata Aliran Tunai Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022 dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022 yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan LEMBAGA TOTALISATOR MALAYSIA pada 31 Disember 2022 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada Tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,




Tan Sri Datuk Richard Cham Hak Lim
(Pengerusi)

Tarikh: 05 JUL 2023

Petaling Jaya, Selangor

Bagi pihak Lembaga,



Velluppillai Williams A/L W.E
Balasingam
(Ahli Lembaga)

Tarikh: 05 JUL 2023

Petaling Jaya, Selangor

LEMBAGA TOTALISATOR MALAYSIA


(Ditubuhkan di bawah Akta Perlumbaan
[Lembaga Totalisator], 1961)

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN LEMBAGA TOTALISATOR MALAYSIA

Saya, Nor Hashimah Binti Hashim, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan LEMBAGA TOTALISATOR MALAYSIA, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2022, Penyata Prestasi Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022, Penyata Perubahan Ekuiti Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022, Penyata Aliran Tunai Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022 dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022 yang berikut ini berserta dengan Nota-nota di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas)
di Petaling Jaya, Selangor pada)

U 5 JUL 2023


Nor Hashimah Binti Hashim



LEMBAGA TOTALISATOR MALAYSIA
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2022

	NOTA	2022 (RM)	2021 (RM)
ASET			
Aset Semasa			
Pelbagai Akaun Belum Terima, Deposit Dan Prabayar	6	1,670,580	7,036,191
Faedah Belum Diterima Dari Simpanan Tetap		377,830	274,267
Royalti Belum Diterima	7	13,520,278	4,700,000
Simpanan Tetap	8	36,900,000	31,000,000
Wang Dalam Bank		187,584	513,864
Wang Di Tangan		2,900	3,467
Jumlah Aset Semasa		52,659,172	43,527,789
Aset Bukan Semasa			
Hartanah, Loji Dan Peralatan	4	5,562	3,329
Hartanah Pelaburan	5	51,883,634	50,873,094
Jumlah Aset Bukan Semasa		51,889,196	50,876,423
Jumlah Aset		104,548,368	94,404,212
LIABILITI			
Liabiliti Semasa			
Pelbagai Akaun Belum Bayar Dan Perbelanjaan Terakru	9	887,940	116,222
Peruntukan Manfaat Pekerja	10	99,088	125,606
Jumlah Liabiliti Semasa		987,028	241,828
Jumlah Aset Bersih		103,561,340	94,162,384
ASET BERSIH			
Rizab Kumpulan Wang Am	11	103,561,340	94,162,384
Jumlah Aset Bersih		103,561,340	94,162,384

Nota-nota yang dilampirkan sebahagian dari akaun-akaun ini.

**LEMBAGA TOTALISATOR MALAYSIA
PENYATA PRESTASI KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

	NOTA	2022 (RM)	2021 (RM)
<u>HASIL</u>			
Pendapatan Pertaruhan	12	13,524,047	4,700,000
Bayaran Tahunan Daripada Ejen	3 (f)	10,000,000	10,000,000
Yuran Lesen Diterima	3 (g)	6,000,000	6,000,000
Keuntungan Bersih Daripada Pelarasan Nilai Saksama	5	1,010,540	2,944,094
Pendapatan Lain	13	1,280,804	1,069,895
JUMLAH HASIL		31,815,391	24,713,989
<u>PERBELANJAAN</u>			
<u>Perbelanjaan Mengurus</u>			
Emolumen	14	(608,121)	(783,241)
Susut Nilai	4	(1,265)	(65,104)
Pendermaan Dan Geran	15	(1,451,840)	(1,400,000)
Perbelanjaan Untuk Mempertingkatkan Aktiviti Lumba Kuda Malaysia Dan Kemudahan Kelab-Kelab Lumba Kuda	16	(16,179,242)	(16,216,181)
Perbelanjaan Lain	17	(944,439)	(608,738)
JUMLAH PERBELANJAAN MENGURUS		(19,184,907)	(19,073,264)
LEBIHAN BAGI TAHUN SEBELUM CUKAI		12,630,484	5,640,725
CUKAI	18	(3,231,528)	(1,074,876)
LEBIHAN BAGI TAHUN SELEPAS CUKAI		9,398,956	4,565,849

Nota-nota yang dilampirkan sebahagian dari akaun-akaun ini.

**LEMBAGA TOTALISATOR MALAYSIA
PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH/EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

	RIZAB KUMPULAN WANG AM RM	JUMLAH RM
Baki pada 01 Januari 2021		
Seperti Dilaporkan Sebelum Ini	89,596,535	89,596,535
	89,596,535	89,596,535
Lebihan Tahun Semasa	4,565,849	4,565,849
Baki pada 31 Disember 2021	94,162,384	94,162,384
 Baki pada 01 Januari 2022		
Seperti Dilaporkan Sebelum Ini	94,162,384	94,162,384
	94,162,384	94,162,384
Lebihan Tahun Semasa	9,398,956	9,398,956
Baki pada 31 Disember 2022	103,561,340	103,561,340

Nota-nota yang dilampirkan sebahagian dari akaun-akaun ini.

**LEMBAGA TOTALISATOR MALAYSIA
PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

		2022 (RM)	2021 (DINYATAKAN SEMULA) (RM)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI :	NOTA		
Lebihan Pendapatan Sebelum Cukai		12,630,484	5,640,725
Pelarasan Item Bukan Tunai :			
Susutnilai Hartanah, Loji Dan Peralatan		1,265	65,104
Keuntungan Dari Penilaian Semula Hartanah Pelaburan		(1,010,540)	(2,944,094)
Keuntungan Dari Penjualan Hartanah, Loji Dan Peralatan		-	(5,000)
Peruntukan Ganjaran Cuti Tahunan		45,228	29,480
Pelupusan Hutang lapuk		7,500	-
Jumlah Pelarasan Item Bukan Tunai		(956,547)	(2,854,510)
Lebihan Sebelum Perubahan Modal Kerja		11,673,937	2,786,215
<u>Perubahan Dalam Modal Kerja :-</u>			
Penurunan/ (Peningkatan) Dalam Pelbagai Akaun Belum Terima, Deposit Dan Prabayar		167,626	(139,259)
(Peningkatan) / Penurunan Dalam Royalti belum diterima		(8,820,278)	534,543
Peningkatan / (Penurunan) Akaun Belum Bayar Dan Perbelanjaan Terakru		3,306	(3,126,134)
Aliran Tunai Daripada Aktiviti Operasi		3,024,591	55,365
Faedah Dari Perolehan Pelaburan		(881,804)	(713,895)
Bayaran Cukai Semasa		(2,500,000)	(2,100,000)
Bayaran Balik Cukai Terdahulu		5,227,369	2,410,678
Bayaran Cuti Tahunan - manfaat kakitangan		(71,746)	(133,990)
Aliran Tunai Bersih Daripada/(Digunakan Dalam) Aktiviti Operasi		4,798,410	(481,842)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN			
Penambahan Hartanah Pelaburan	5	-	(17,000)
Pembelian Hartanah, Loji Dan Peralatan	4	(3,498)	-
Penjualan Hartanah, Loji Dan Peralatan		-	5,000
Faedah Dari Perolehan Pelaburan		778,241	755,598
Aliran Tunai Bersih Daripada Aktiviti Pelaburan		774,743	743,598
Peningkatan Bersih Dalam Tunai Dan Kesetaraan Tunai		5,573,153	261,756
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Bawa Hadapan		31,517,331	31,255,575
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA 31 DISEMBER		37,090,484	31,517,331
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tempoh Terdiri Daripada :			
Wang Dalam Bank Dan Di Tangan		190,484	517,331
Simpanan Tetap		36,900,000	31,000,000
WANG TUNAI DAN DANA JANGKA PENDEK		37,090,484	31,517,331

Nota-nota yang dilampirkan sebahagian dari akaun-akaun ini.

LEMBAGA TOTALISATOR MALAYSIA
PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

	JUMLAH BAJET		Jumlah Sebenar	^VARIAN BAJET	Nota Penjelasan
	ASAL RM	AKHIR RM			
HASIL					
Pendapatan Pertaruhan	9,800,000	9,800,000	13,524,047	3,724,047	(a)
Bayaran Tahunan Daripada Ejen	10,000,000	10,000,000	10,000,000	-	
Yuran Lesen Diterima	6,000,000	6,000,000	6,000,000	-	
Pendapatan Lain	766,000	766,000	1,280,804	514,804	(b)
Jumlah Penerimaan	26,566,000	26,566,000	30,804,851	4,238,851	
PERBELANJAAN					
<u>Perbelanjaan Mengurus</u>					
Emolumen	(1,375,722)	(1,375,722)	(608,121)	767,601	(c)
Pendermaan dan Geran	(2,500,000)	(2,500,000)	(1,451,840)	1,048,160	(d)
Perbelanjaan Untuk Mempertingkatkan Aktiviti Lumba	(16,500,000)	(16,500,000)	(16,179,242)	320,758	(e)
Kuda Malaysia Dan Kemudahan Kelab-Kelab Lumba Kuda					
Perkhidmatan Dan Bekalan	(1,326,781)	(1,326,781)	(944,439)	382,342	(f)
Aset	(240,000)	(240,000)	(3,498)	236,502	(g)
Susut Nilai	(900,000)	(900,000)	(1,265)	898,735	(h)
Cukai	(2,136,600)	(2,136,600)	(3,231,528)	(1,094,928)	(i)
Jumlah Perbelanjaan Mengurus	(24,979,103)	(24,979,103)	(22,419,933)	2,559,170	
LEBIHAN BAGI TAHUN SELEPAS CUKAI	1,586,897	1,586,897	8,384,918	6,798,021	

^ Merujuk kepada varian di antara Jumlah sebenar dan Bajet akhir

LEMBAGA TOTALISATOR MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Perlumbaan [Lembaga Totalisator], 1961)

PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

NOTA PENJELASAN

HASIL

(a) Pendapatan pertaruhan.

Hasil daripada pendapatan pertaruhan adalah 138% daripada yang dianggarkan. Hasil ini meningkat disebabkan peningkatan cabutan tahunan dari nombor ramalan yang diluluskan oleh pihak kerajaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022.

(b) Pendapatan lain

Hasil daripada pendapatan lain adalah 167% daripada yang dianggarkan. Hasil meningkat disebabkan peningkatan jumlah simpanan tetap daripada RM31 juta kepada RM36.9 juta yang mana peningkatan kadar faedah simpanan tetap dari 2.2% ke 3.2% setahun. Hasil sewaan bulanan daripada Dewan serbaguna Indera Mahkota juga meningkat daripada RM7,000 sebulan ke RM10,000 sebulan.

PERBELANJAAN

(c) Emolumen

Perbelanjaan adalah 44% daripada yang dianggarkan. Pada tahun 2022, tiada belanja yang dibelanjakan untuk peruntukan gratuiti dan juga jumlah kakitangan Lembaga dikecilkan dari 5 orang ke 4 orang sahaja.

(d) Pendermaan dan geran

Perbelanjaan adalah 58% daripada yang dianggarkan. Pada tahun 2022, sebanyak RM1.45 juta dibelanjakan untuk tujuan aktiviti tanggungjawab sosial dan korporat daripada RM2.5 juta yang diperuntukan.

LEMBAGA TOTALISATOR MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Perlumbaan [Lembaga Totalisator], 1961)

PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

NOTA PENJELASAN (SAMBUNGAN)

(e) Pendermaan dan geran untuk aktiviti lumba kuda dan kemudahan kelab-kelab kuda.

Perbelanjaan adalah 98% daripada yang dianggarkan. Pada Tahun 2022, RM16.18 juta telah dibelanjakan daripada RM16.5 juta yang diperuntukan.

(f) Perkhidmatan dan bekalan

Perbelanjaan adalah 71% daripada yang dianggarkan. Pada tahun 2022, hanya 42% yang dibelanjakan daripada anggaran perbelanjaan perjalanan ke luar negara untuk ahli-ahli Lembaga pengarah bagi tujuan latihan dan pembelajaran aktiviti sukan lumba kuda. Pada tahun 2022, hanya 24% yang dibelanjakan daripada anggaran yuran professional yang diperuntukan.

(g) Aset

Perbelanjaan adalah 1.46% daripada yang dianggarkan. Pada tahun 2022, belanja aset modal sebanyak RM3,498 iaitu belanja modal bagi penukaran “UBS accounting system” ke “SQL accounting system” bagi tujuan mendapat kelulusan SAGA (Standard Accounting for Government Agency) daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

(h) Susut nilai

Perbelanjaan adalah 0.14% daripada yang dianggarkan. Pada tahun 2022, susut nilai adalah terhadap aset-aset Lembaga yang digunakan di pejabat bagi tujuan operasi.

LEMBAGA TOTALISATOR MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Perlumbaan [Lembaga Totalisator], 1961)

**PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022****NOTA PENJELASAN (SAMBUNGAN)****(i) Cukai**

Perbelanjaan adalah 151% daripada yang dianggarkan. Pada tahun 2022, ini disebabkan oleh peningkatan dari hasil daripada pendapatan 5% royalti daripada taruhan nombor ramalan, meningkat 138% daripada yang anggarkan (sila rujuk nota (a)).

LEMBAGA TOTALISATOR MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Perlumbaan [Lembaga Totalisator], 1961)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

1. MAKLUMAT AM

(a) Kegiatan Utama

Lembaga Totalisator Malaysia ("LTM") yang ditubuhkan pada 27 Mac 1961 di bawah Akta Perlumbaan (Lembaga Totalisator) 1961, Akta 494 telah melibatkan diri dalam mengawas, mengawal dan melaksanakan operasi totalisator berdasarkan perlumbaan kuda di Malaysia dan Singapura selaras dengan skim dan peraturan yang diluluskan. Di samping mempertingkatkan kemudahan totalisator di semua Kelab Lumba Kuda, LTM juga ditugaskan supaya prosedur pertaruhan dan pengutipan cukai ke atas operasi totalisator dilaksanakan mengikut jadual, mempromosikan sukan ekuin dan membuat kebajikan.

Pada 14 Mac 1991, Kementerian Kewangan telah memutuskan supaya LTM tidak lagi terlibat secara langsung dengan aktiviti pertaruhan berdasarkan lumba kuda tetapi sebaliknya berfungsi sebagai Agensi Pengawal (*Regulating Agency*) sahaja. Tiada sebarang perubahan ketara berlaku terhadap aktiviti utama sepanjang tahun kewangan semasa.

(b) Pejabat Berdaftar Dan Operasi

Pejabat berdaftar dan operasi LTM terletak di L17-03 & L17-03A, Aras 17 Menara PJX-HM Shah, No. 16A, Persiaran Barat, 46050 Petaling Jaya, Selangor.

(c) Kelulusan Penyata Kewangan

Penyata kewangan ini telah diluluskan oleh Lembaga pada 5hb Julai 2023.

2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

(a) Permatuhan Kepada Piawaian Pelaporan Kewangan dan Kesan Pemakaian MPSAS.

Penyata Kewangan Lembaga disediakan berdasarkan kepada konvensyen kos sejarah selain yang dinyatakan secara berasingan dan mematuhi Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS).

Penyata Kewangan ini adalah merupakan Penyata Kewangan peralihan pertama yang disediakan menggunakan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS). Sebelum ini, Penyata Kewangan Lembaga telah disediakan menggunakan Piawaian Laporan Entiti Swasta Malaysia (MPERS) yang dimana telah menggunakan perakaunan akruan dan penilaian dalam nilai saksama ke atas hartanah pelaburan. Dasar-dasar perakaunan yang digunakan di dalam menyediakan Penyata Kewangan Tahun ini adalah selaras dengan yang telah digunakan di dalam tahun kewangan sebelum ini dan tiada kesan ketara dari pemakaian MPSAS ke atas Penyata Kewangan oleh kerana Lembaga sebelum ini telah menggunakan perakaunan akruan dan penilaian dalam nilai saksama.

(b) Asas Pengukuran

Penyata kewangan telah disediakan berdasarkan kos sejarah selain daripada yang dinyatakan dalam Nota 3(c).

(c) Penggunaan Anggaran dan Pertimbangan

Menurut MPSAS, penggunaan anggaran dan pertimbangan penyediaan penyata kewangan ini memerlukan pihak pengurusan membuat penilaian, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada aplikasi polisi perakaunan dan jumlah aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran tersebut.

Anggaran dan anggapan tersirat adalah dikaji semula secara berterusan. Semakan terhadap anggaran perakaunan diiktiraf dalam tempoh di mana anggaran itu disemak dan dalam mana-mana tempoh masa depan yang terjejas.

Tidak terdapat bidang penting mengenai ketidaktentuan anggaran dan pertimbangan kritikal dalam mengguna pakai dasar perakaunan yang mempunyai kesan ketara terhadap jumlah yang diiktiraf dalam penyata kewangan.

3. DASAR PERAKAUNAN PENTING

(a) Instrumen Kewangan

Objektif dan Polisi Pengurusan Risiko Kewangan

Objektif pengurusan risiko kewangan Lembaga adalah bertujuan memastikan Lembaga menerbitkan nilai dan memaksimumkan ganjaran kepada Lembaga. Polisi pengurusan risiko kewangan Lembaga bertujuan memastikan sumber kewangan dan bukan kewangan mencukupi untuk menjalankan operasinya dengan lancar. Pihak Lembaga membiayai operasinya dengan dana dalaman dan oleh itu tidak terdedah kepada risiko kadar faedah dari pinjaman bank. Pihak Lembaga tidak melabur di dalam saham disebut harga dan oleh itu tidak terdedah kepada risiko pasaran akibat risiko turun naik instrumen kewangan berikutan perubahan harga pasaran.

(i) Risiko Mudah Tunai

Pihak Lembaga mengamalkan pengurusan risiko mudah tunai yang hemat untuk meminimumkan ketidakpadanan aset dan liabiliti kewangan dan untuk mewujudkan tahap tunai dan kesetaraan tunai yang mencukupi bagi memenuhi keperluan modal kerja.

(ii) Nilai Saksama

Nilai dibawa tunai dan kesetaraan tunai, pelbagai penghutang dan lain-lain belum terima, pelbagai pemiutang dan lain-lain belum bayar menghampiri nilai saksama kerana sifat instrumen kewangan yang jangka pendek.

(b) Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, loji dan peralatan diiktiraf pada nilai kos yang melebihi RM2,000.00 setiap satu.

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos atau penilaian setelah ditolak susut nilai terkumpul.

Susut nilai hartanah, loji dan peralatan diperuntukkan mengikut kaedah garis lurus untuk melupuskan kos atau nilai setiap aset sepanjang anggaran hayat kegunaannya seperti kadar berikut:

Perabot, kelengkapan dan peralatan	20%
Kenderaan	20%
Peralatan komputer	20%
Pengubahsuaian pejabat	10%

Perabot, kelengkapan dan peralatan setiap satu dinyatakan pada kos atau penilaian setelah ditolak susut nilai terkumpul.

(c) Hartanah Pelaburan

Hartanah pelaburan, terutamanya merangkumi hartanah yang dipegang sama ada untuk memperolehi hasil sewaan atau peningkatan modal atau kedua-duanya, untuk hasil sewa jangka panjang dan tidak diduduki oleh Lembaga. Ia tidak termasuk hartanah yang dipegang untuk tujuan strategik atau untuk menyediakan perkhidmatan sosial walaupun hartanah tersebut menghasilkan sewa. Hartanah pelaburan telah dinilai semula oleh jurunilai bertauliah dan bebas iaitu Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Negeri. Asas penilaian yang digunakan adalah nilai pasaran seperti mana dalam *Malaysian Valuation Standards*. Kaedah yang digunakan untuk menentukan nilai pasaran hartatanah berkenaan adalah Kaedah Perbandingan (untuk penilaian tanah) dan Kaedah Kos pengantian semula dengan mengambilkira susut nilai bangunan berkenaan (nilai bangunan).

Selain asas penilaian yang berdasarkan kepada nilai pasaran, beberapa asas penilaian lain juga diambilkira untuk hartanah terletak di ladang ternakan kuda seperti tarikh penilaian semasa atau lawat periksa, pegangan seperti hakmilik, penilaian berdasarkan kegunaan sedia ada (tanah beserta bangunan), luas tanah, dan tiada sekatan dalam hakmilik dan bebas dari sebarang bebanan. Kepentingan yang dinilai untuk hartanah Pusat Agensi Nombor Ramalan terletak di kawasan perindustrian Semambu Kuantan adalah kepentingan pajakan 66 tahun berbaki tempoh pajakan 28 tahun berdasarkan hakmilik. Faktor lain yang diambilkira dalam menentukan nilai pasaran untuk hartanah Dewan Serbaguna terletak di Bandar Indera Mahkota Kuantan termasuk kategori kegunaan tanah adalah Bangunan dengan syarat nyata iaitu untuk tapak stadium sahaja.

Tarikh kuatkuasa penilaian bagi semua hartanah pelaburan adalah 31 Disember 2022.

Untung atau rugi yang wujud daripada perubahan dalam nilai saksama hartanah pelaburan diiktiraf dalam lebihan atau kekurangan bagi tempoh ia wujud ke Penyata Prestasi Kewangan. Keuntungan bersih daripada pelarasan nilai semula Hartanah Perlaburan pada tahun 2022 adalah RM1,010,540. (2021: RM2,944,094).

(d) Kelebihan Bersih Atas Pertaruhan Totalisator

Pendapatan ini diambilkira berdasarkan 5% dari hasil pertaruhan bersih totalisator di Kelab Lumba Kuda Selangor, Perak dan Pulau Pinang. Untuk tahun 2022, Lembaga tidak menerima pendapatan tersebut kerana tiada keuntungan dari Operasi Pertaruhan Totalisator, sama seperti tahun-tahun sebelum ini.

(e) Royalti Atas Operasi Nombor Telahan

Royalti 5% yang diterima bersih daripada keuntungan adalah merupakan hasil daripada Nombor Telahan yang dibayar oleh Pan Malaysian Pools Sdn. Bhd. ("PMP").

(f) Bayaran Tahunan Daripada Ejen

Bayaran tahunan sebanyak RM10,000,000 daripada PMP selagi ia kekal sebagai ejen Lembaga untuk operasi nombor ramalan.

(g) Yuran Lesen Diterima

Yuran lesen tahunan sebanyak RM6,000,000 bagi lesen berterusan yang eksklusif untuk mengendalikan pertaruhan bagi operasi ramalan nombor melalui telefon.

(h) Pendapatan Lain

Pendapatan faedah diiktiraf berasaskan kepada pembahagian masa dan kadar efektif yang menjangkau tempoh matang.

Pendapatan sewa hartanah diiktiraf berasaskan akruan sesuai dengan substansi perjanjian.

Royalti diambilkira berdasarkan 5% dari keuntungan bersih tahunan daripada EQ Sport Sdn. Bhd. atau RM150,000 setahun, yang mana lebih tinggi. Bagi tahun 2022, Lembaga menjangka menerima RM150,000 daripada EQ Sport Sdn. Bhd. (2021: RM150,000).

(i) Kemerosotan Aset

Nilai aset yang dibawa disemak pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan untuk menentukan sama ada terdapat tanda-tanda kemerosotan. Jika wujud tanda-tanda demikian, nilai aset dijangka dapat diperoleh dianggarkan. Nilai dijangka dapat diperoleh merupakan amaun yang lebih tinggi di antara nilai jualan bersih aset dan nilai diguna, yang diukur berasaskan aliran tunai yang dijangka yang didiskaunkan.

Kerugian kemerosotan dicajkan terus kepada Penyata Prestasi Kewangan. Sebarang kenaikan seterusnya dalam nilai dijangka dapat diperoleh diiktirafkan sebagai keterbalikan kerugian kemerosotan terdahulu dan diiktirafkan setakat nilai aset dibawa yang akan ditentukan (selepas susut nilai atau pelunasan, jika berkaitan) sekiranya tiada kerugian kemerosotan diiktirafkan sebelum ini.

(j) Cukai Pendapatan

Cukai Pendapatan untuk untung atau rugi bagi tempoh semasa terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa ialah jumlah anggaran cukai pendapatan yang perlu dibayar ke atas keuntungan boleh cukai bagi tempoh semasa dan dikira menggunakan kadar cukai yang dikuatkuasakan pada tarikh penyata kedudukan kewangan. Perbelanjaan cukai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Cukai yang perlu dibayar ke atas keuntungan bercukai bagi tempoh semasa dan sebelumnya diiktiraf sebagai liabiliti cukai semasa setakat yang belum dibayar. Jika amaun yang dibayar berkenaan dengan tempoh semasa dan yang lepas melebihi amaun yang boleh dibayar bagi tempoh tersebut, lebihan tersebut diiktiraf sebagai aset cukai semasa.

Cukai tertunda diperuntukkan sepenuhnya ke atas perbezaan sementara yang merupakan perbezaan di antara nilai bawaan dalam penyata kewangan dan asas cukai yang sama bagi aset atau liabiliti pada akhir tempoh laporan.

Liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara yang bercukai yang dijangka akan meningkatkan keuntungan bercukai pada masa akan datang. Aset cukai tertunda adalah rekod bagi semua perbezaan sementara yang boleh ditolak yang dijangka akan mengurangkan keuntungan pada masa hadapan dan dibawa ke hadapan kerugian cukai yang tidak digunakan dan kredit cukai yang belum digunakan.

Liabiliti cukai tertunda dan aset mencerminkan akibat cukai yang akan diikuti dengan cara di mana syarikat menjangka untuk mendapatkan semula atau menyelesaikan nilai bawaan aset dan liabiliti dan diukur pada kadar cukai dan undang-undang yang dijangka digunakan pada tempoh bila aset direalisasikan atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah digubal pada tarikh laporan.

(k) Ganjaran Kakitangan

Jumlah kakitangan Lembaga termasuk Ketua Pegawai Eksekutif pada akhir tahun adalah seramai 4 orang (2021: 5 orang).

(i) Ganjaran kakitangan jangka pendek

Gaji, cuti tahunan, cuti sakit, bonus, caruman keselamatan sosial dan ganjaran-ganjaran bukan kewangan akan diakrukan dalam tempoh perkhidmatan diberikan oleh kakitangan terbabit kepada Lembaga.

(ii) Ganjaran selepas tamat perkhidmatan

Lembaga mencarum dalam skim persaraan yang diwajibkan oleh Kerajaan iaitu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Caruman berkenaan diiktirafkan sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Prestasi Kewangan apabila berlaku.

(iii) Cuti tahunan terakru

Hak kakitangan ke atas cuti tahunan akan diiktiraf apabila cuti terakru kepada kakitangan. Peruntukan ganjaran cuti tahunan dibuat untuk kakitangan tetap di mana cuti tahunan masih tidak digunakan pada tarikh penyata kewangan. Ganjaran cuti tahunan dibuat berdasarkan kepada gaji pokok dan elaun tetap bulanan menurut Skim LTM dan perjanjian yang dipersetujui oleh Lembaga. Peruntukan ini dicajkan kepada Penyata Prestasi Kewangan dalam tahun ia ditanggung.

4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Tahun 2022

	Perabot, Kelengkapan dan Peralatan RM	Kenderaan RM	Peralatan komputer RM	Pengubahsuaian Pejabat RM	Jumlah RM
Kos Pada 01.01.22	369,141	132,733	67,281	363,476	932,631
Tambahan	-	-	3,498	-	3,498
Pelupusan	-	-	-	-	-
Hapus kira	-	-	-	-	-
Pada 31.12.22	369,141	132,733	70,779	363,476	936,129
Susut nilai Terkumpul Pada 01.01.22	368,504	132,733	64,589	363,476	929,302
Susut nilai bagi Tahun 2022	232	-	1,033	-	1,265
Pelupusan	-	-	-	-	-
Hapus kira	-	-	-	-	-
Pada 31.12.22	368,736	132,733	65,622	363,476	930,567
Nilai Dibawa Pada 31.12.22	405	-	5,157	-	5,562

4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Tahun 2021

	Perabot, Kelengkapan dan Peralatan RM	Kenderaan RM	Peralatan komputer RM	Pengubahsuaian Pejabat RM	Jumlah RM
Kos Pada 01.01.21	369,141	222,787	67,281	363,476	1,022,685
Tambahan	-	-	-	-	-
Pelupusan	-	(90,054)	-	-	(90,054)
Hapus kira	-	-	-	-	-
Pada 31.12.21	369,141	132,733	67,281	363,476	932,631
Susut nilai Terkumpul Pada 01.01.21	368,272	198,453	60,398	327,129	954,252
Susut nilai bagi Tahun 2021	232	24,334	4,191	36,347	65,104
Pelupusan	-	(90,054)	-	-	(90,054)
Hapus kira	-	-	-	-	-
Pada 31.12.21	368,504	132,733	64,589	363,476	929,302
Nilai Dibawa Pada 31.12.21	637	-	2,692	-	3,329

5. HARTANAH PELABURAN

Tahun 2022

	Tanah Pegangan Bebas RM	Tanah Milik Pajak RM	Bangunan RM	Jumlah RM
Nilai Dibawa Pada 01.01.22	19,261,550	15,138,404	16,473,140	50,873,094
Tambahan	-	-	-	-
Lebihan / (Kurangan) Daripada Pelarasan Nilai Saksama	22,440	801,240	186,860	1,010,540
Nilai Dibawa Pada 31.12.22	19,283,990	15,939,644	16,660,000	51,883,634

Pecahan kos dan nilai saksama :

	RM
Kos asal	4,093,385
Tambah : Lebihan daripada pelarasan nilai saksama terkumpul (Nota 11)	<u>47,790,249</u>
	<u>51,883,634</u>

Tahun 2021

	Tanah Pegangan Bebas RM	Tanah Milik Pajak RM	Bangunan RM	Jumlah RM
Nilai Dibawa Pada 01.01.21	19,248,852	17,608,748	11,054,400	47,912,000
Tambahan	-	-	17,000	17,000
Lebihan / (Kurangan) Daripada Pelarasan Nilai Saksama	12,698	(2,470,344)	5,401,740	2,944,094
Nilai Dibawa Pada 31.12.21	19,261,550	15,138,404	16,473,140	50,873,094

Pecahan kos dan nilai saksama :

	RM
Kos asal	4,093,385
Tambah : Lebihan daripada pelarasan nilai saksama terkumpul (Nota 11)	<u>46,779,709</u>
	<u>50,873,094</u>

6. PELBAGAI AKAUN BELUM TERIMA, DEPOSIT DAN PRABAYAR

	2022	2021
	RM	RM
Pelbagai penghutang	312,000	489,000
Cukai boleh diperolehi semula	1,049,982	6,240,467
Deposit	126,893	126,893
Prabayar	181,705	179,831
	<u>1,670,580</u>	<u>7,036,191</u>

7. ROYALTI BELUM DITERIMA

Royalti sejumlah RM13,520,278 belum diterima daripada Pan Malaysian Pools Sdn. Bhd. bagi tempoh berakhir 31 Disember 2022. (2021: RM4,700,000)

8. SIMPANAN TETAP

	2022	2021
	RM	RM
Simpanan tetap di institusi kewangan yang diluluskan:-		
Ambank Berhad	4,000,000	3,000,000
Maybank Berhad	27,900,000	16,000,000
Public Bank Berhad	5,000,000	12,000,000
	<u>36,900,000</u>	<u>31,000,000</u>

Kadar faedah deposit dengan bank berlesen pada tarikh penyata kewangan berbeza dari 2.15% sehingga 3.20% (2021: 2.00% hingga 2.20%) setahun. Deposit ini secara umumnya mempunyai tempoh matang kurang daripada 12 bulan (2021: kurang daripada 12 bulan).

9. PELBAGAI AKAUN BELUM BAYAR DAN PERBELANJAAN TERAKRU

	2022	2021
	RM	RM
Deposit diterima	65,000	65,000
Perbelanjaan terakru	54,528	51,222
Cukai belum bayar	768,412	-
	<u>887,940</u>	<u>116,222</u>

10. PERUNTUKAN MANFAAT PEKERJA

	2022	2021
	RM	RM
<u>Ganjaran Cuti Tahunan</u>		
Baki pada 1 Januari	125,606	230,116
Bayaran untuk cuti tahunan yang tidak digunakan	(71,746)	(133,990)
Penambahan peruntukan semasa (emolumen nota 14)	45,228	29,480
Baki pada 31 Disember	<u>99,088</u>	<u>125,606</u>

11. RIZAB KUMPULAN WANG AM

	2022	2021
	RM	RM
Baki pada 1 Januari	94,162,384	89,596,535
Lebihan / (Kurangan) bersih tahun semasa	9,398,956	4,565,849
Baki pada 31 Disember	<u>103,561,340</u>	<u>94,162,384</u>

Pecahan kepada rizab kumpulan wang am :

	2022	2021
	RM	RM
Lebihan/ (kurangan) terkumpul	55,771,091	47,382,675
Lebihan daripada pelarasan nilai saksama terkumpul (Nota 5)	<u>47,790,249</u>	<u>46,779,709</u>
	<u>103,561,340</u>	<u>94,162,384</u>

12. PENDAPATAN PERTARUHAN

	2022	2021
	RM	RM
Royalti atas operasi nombor telahan	13,524,047	4,700,000
	<u>13,524,047</u>	<u>4,700,000</u>

13. PENDAPATAN LAIN

	2022	2021
	RM	RM
Pendapatan faedah	881,804	713,895
Sewa diterima	249,000	201,000
Royalti	150,000	150,000
Keuntungan daripada penjualan hartanah, loji dan peralatan	-	5,000
	<u>1,280,804</u>	<u>1,069,895</u>

14. EMOLUMEN

	2022	2021
	RM	RM
Gaji	348,279	566,286
Bonus	23,423	2,800
Bayaran bantuan kewangan aidilfitri	2,000	-
KWSP	67,676	69,887
PERKESO	3,588	4,045
Elaun	117,927	110,743
Peruntukan ganjaran cuti tahunan (Nota 10)	45,228	29,480
	<u>608,121</u>	<u>783,241</u>

15. PENDERMAAN / GERAN

Penyumbangan dan geran telah diberi oleh Lembaga kepada beberapa pihak pada tahun ini seperti berikut:-

	2022	2021
	RM	RM
Promosi sukan secara umum di Malaysia	1,446,840	1,300,000
Sosial dan kebajikan	5,000	100,000
	<u>1,451,840</u>	<u>1,400,000</u>

16. PERBELANJAAN UNTUK MEMPERTINGKATKAN AKTIVITI LUMBA KUDA MALAYSIA DAN KEMUDAHAN KELAB-KELAB LUMBA KUDA

	2022	2021
	RM	RM
Perbelanjaan untuk mempertingkatkan aktiviti lumba kuda dan cabang operasinya dan menyenggara kemudahan Kelab-Kelab Lumba Kuda	16,009,721	16,000,000
Perbelanjaan untuk pelajaran, latihan, dan meningkatkan pengetahuan professional berkaitan dengan perlumbaan kuda	150	-
Persatuan Lumba Kuda Malaya	169,371	216,181
	<u>16,179,242</u>	<u>16,216,181</u>

17. PERBELANJAAN LAIN

	2022	2021
	RM	RM
Perbelanjaan telefon, air dan elektrik	13,072	13,559
Sewa pejabat / tempat letak kereta	160,430	160,431
Perbelanjaan alat tulis pejabat, pos dan bank	5,210	5,343
Percetakan dan penerbitan	11,019	13,284
Keraian	369	-
Insurans	68,718	48,783
Yuran profesional	83,542	27,679
Perbelanjaan am	-	12,191
Perbelanjaan perjalanan	190,482	5,256
Bayaran juruaudit	27,560	26,000
Elaun pengarah	172,639	169,200
Elaun kehadiran mesyuarat lembaga pengarah	18,000	28,000
Perbelanjaan mesyuarat pengarah	10,268	11,552
Perbelanjaan mesyuarat jawatankuasa	698	-
Elaun kehadiran mesyuarat jawatankuasa	4,250	4,250
Pembaikan dan penyelenggaraan	75,671	11,825
Perbelanjaan penginapan	31,827	1,097
Hadiah dan sumbangan	600	-
Perbelanjaan perubatan	4,879	16,063
Perbelanjaan pejabat	11,046	5,415
Bayaran penstoran	3,240	3,240
Latihan dan perkembangan	-	100
Cukai Barang dan Perkhidmatan	-	5,699
Cukai tanah	39,771	39,771
Aset tetap yang tidak dipermodalkan	3,298	-
Bayaran yuran tahunan badan profesional	350	-
Hutang lapuk	7,500	-
Jumlah Perbelanjaan	944,439	608,738

18. CUKAI

	2022	2021
	RM	RM
Cukai untuk tahun	3,268,412	1,086,902
Lebihan cukai diperuntukkan pada tahun lepas	(36,884)	(12,026)
Cukai tertunda	-	-
	<u>3,231,528</u>	<u>1,074,876</u>

Pelarasan bagi perbelanjaan cukai yang berkaitan dengan keuntungan sebelum cukai pada kadar efektif untuk Lembaga adalah seperti berikut:-

	2022	2021
	RM	RM
Lebihan sebelum cukai	<u>12,630,484</u>	<u>5,640,725</u>
Kadar cukai di Malaysia pada 24% (2021: 24%)	3,031,316	1,353,774
Perbelanjaan yang tidak dibenarkan untuk tolakan cukai	480,441	424,086
Pendapatan yang tidak bercukai	(242,530)	(706,583)
Elaun modal tahun semasa	(1,119)	-
Lebihan cukai diperuntukkan pada tahun terdahulu	(36,884)	(12,026)
Susut nilai untuk aset yang tidak dibenarkan	304	15,625
Cukai tertunda	-	-
	<u>3,231,528</u>	<u>1,074,876</u>

19. ANGKA PERBANDINGAN

Angka-angka perbandingan bagi tahun lepas telah dinyatakan semula di mana perlu supaya selaras dengan angka yang telah dibentangkan tahun ini.

A) PENYATA ALIRAN TUNAI

Pelaporan Penyata Aliran Tunai sebelum ini menggunakan “Kaedah Langsung”. Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022, Lembaga menggunakan “Kaedah Tidak Langsung”. Oleh yang demikian, Penyata Aliran Tunai Bagi tahun Berakhir 31 Disember 2021 dinyatakan semula menggunakan “Kaedah Tidak Langsung” (sila rujuk Penyata Aliran Tunai di muka surat 4).



**LEMBAGA TOTALISATOR MALAYSIA
L17-03 & L17-03A, LEVEL 17,
PJX-H.M. SHAH TOWER,
NO. 16A, PERSIARAN BARAT,
46050 PETALING JAYA.
TEL: +603-7931 5386**